



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PETANI SEBAK, 5,000 POKOK CILI SEDIA DITUAI DITENGGELAMI AIR, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
2.	TANAH 510 HEKTAR DI GUA MUSANG DITANAM MUSANG KING, LOKAL, HM -28	
3.	LADANG MUSANG KING DIBUKA DI GUA MUSANG SELUAS 510 HEKTAR, DALAM NEGERI, UM -36	
4.	TIADA KAWALAN KUOTA EKSPORT TELUR, NEGARA, KOSMO -17	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Petani sebak, 5,000 pokok cili sedia dituai ditenggelami air

DENGKIL. – Seorang pengusaha kebun cili, Ahmad Irham Mohd. Noor, 41, sebak selepas 5,000 pokok cilinya ditenggelami air susulan banjir kilat melanda Kampung Seri Tanjung di sini, pada 17 dan 18 November lalu.

Kejadian banjir kilat itu adalah kali kedua dalam tempoh 11 bulan.

Lebih menyedihkan, tanaman cili yang diusahakannya itu sudah sedia untuk dituai dan dijual kepada pemborong serta peruncit di sekitar Dengkil, Sepang dan Putrajaya.

Ahmad Irham yang juga bekas jurugambar berkata, dia baru sahaja mengutip hasil empat kali bermula awal November lalu dengan kutipan keseluruhan kira-kira 110 kilogram (kg).

Katanya, bagi setiap musim, kebun cilinya mampu mengeluarkan hasil antara 1,000 kg ke 1,500 kg dengan hasil jualan mencecah RM40,000 hingga RM50,000.

"Saya akui tidak mampu untuk menehriskan kebun cili ini kerana modal besar diperlukan bagi memulakannya kembali. Buat masa



KEBUN cili Ahmad Irham yang ditenggelami air susulan banjir kilat di Kampung Seri Tanjung, Dengkil baru-baru ini.

ini, saya akan berehat seketika.

"Selain pokok cili musnah, beberapa peralatan termasuk sistem fertigasi, enjin air, baja dan kelengkapan lain turut musnah," katanya di sini baru-baru ini.

Ahmad Irham berkata, kebun cilinya pernah ditenggelami air sedalam 1.52 meter susulan banjir besar melanda daerah tersebut pada 18 Disember tahun lalu.

Menurutnya, dalam kejadian itu, dia mengalami kerugian lebih RM50,000 termasuk kerosakan pelbagai kelengkapan pertanian.

"Saya difahamkan, banjir kilat baru-baru ini disebabkan oleh limpahan air Sungai Melut dan Sungai Lalang, selain limpahan enam tadahan air bagi projek perumahan baharu di daerah ini," ujarnya.

SIDANG DUN KELANTAN**Tanah 510 hektar
di Gua Musang
ditanam musang king**

Kota Bharu: Tanah seluas 510 hektar dibuka di Gua Musang, dekat sini, untuk penanaman durian musang king, sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar negeri **Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail** berkata, ia membatik beberapa kawasan di daerah berkenaan termasuk Bertam, Chiku dan Renok.

Katanya, durian musang king itu diusahakan usahawan tempatan berskala besar dan sederhana.

“Syarikat Sindiyen menanam durian di tanah seluas 250 hektar manakala sya-

rikat M7 pula di tanah seluas 120 hektar. Selebihnya usahawan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Mohd Syahbuddin Hashim (BN-Galas)** pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan di sini, semalam.

**Pembukaan
ladang ini beri
peluang pekerjaan
kepada penduduk**

*Tuan Mohd
Saripudin*

Mengulas lanjut, katanya, pembukaan ladang ini memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar khususnya dalam pengurusan ladang, pembersihan ladang, pembahagian dan tuaian hasil durian.

“Manfaat yang diterima oleh penduduk sekitar ialah peluang pekerjaan sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa,” katanya.

25/11/2022

UTUSAN

DALAM

36

MALAYSIA

NEGERI

Ladang Musang King dibuka di Gua Musang seluas 510 hektar

KOTA BHARU: Projek penanaman durian Musang King di Gua Musang yang memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dijalankan di kawasan ladang seluas 510 hektar di daerah tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani,

Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Saripuddin Tuan Ismail berkata, kesemua tanaman durian itu diusahakan oleh usahawan tempatan secara berskala besar dan sederhana.

Menurutnya, ia membabitkan dua kawasan di Lojing de-

ngan keluasan 250 hektar yang diusahakan oleh Syarikat Sindryan dan 120 hektar oleh Syarikat M7.

“Kawasan lain di Gua Musang diusahakan secara sederhana membabitkan kawasan seluas 50 hektar di Chiku, 30 hektar (Bertam), lima hektar (Renok)

dan 55 hektar (sekitar Gua Musang).

“Pembukaan ladang ini memberi ruang dan peluang pekerjaan kepada penduduk khususnya dalam pengurusan, pembersihan, pembahagian dan tuaian hasil durian,” katanya ketika menjawab soalan Mohd.

Syahbuddin Hashim (BN-Galas) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Jelasnya, penduduk di Gua Musang menerima manfaat dan peluang pekerjaan sama ada sepenuh masa atau secara sambilan hasil daripada projek tanaman musang king itu.

Punca bekalan kurang walaupun Malaysia catat 113 peratus pengeluaran

Tiada kawalan kuota eksport telur

Oleh MOHD. YUNUS YAKUB

SHAH ALAM - Tiada kawalan kuota eksport telur akan terus menyebabkan bekalan tersebut tidak mencukupi di seluruh negara umumnya dan Selangor secara khususnya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemandenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir. Izham Hashim berkata, ini disebabkan punca kenaikan nilai dolar Amerika Syarikat sehingga mendorong telur dieksport bagi mendapatkan keuntungan lebih baik.

"Kalau ikut tahap kemampuan saraan diri bagi Malaysia, sebenarnya catatkan 113 peratus pengeluaran telur dan boleh mencukupi, namun bila tiada



SIDANG DUN SELANGOR

kawalan jadi tidak cukup.

"Tekanan disebabkan kejatuhan ringgit juga akan menambah lagi beban sebenarnya dari segi kos sara hidup," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas soalan Lau Weng San (PH-Barisan) yang ingin mengetahui sama ada inisiatif kerajaan negeri menerusi Jelajah Ehsan Rakyat (JER) tercapai dalam penurunan

harga barangan keperluan.

Izham yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandan Indah menegaskan segala dasar dan polisi berhubung kawalan harga barang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Tambah beliau, JER adalah program intervensi dengan matlamat membantu dalam masa segera bebanan yang ditanggung rakyat pada pasca pandemik.

"Setiap barangan, keperluan harian yang dibawa dijual pada harga lebih rendah iaitu antara 28 hingga 30 peratus meliputi ayam, daging, ikan, telur, beras dan minyak masak.

"Setakat 30 Oktober lalu, lebih 200,000 penduduk Selangor telah menikmati manfaat daripada program JER," tegasnya.



KETIADAAN kawalan kuota eksport mengakibatkan berlaku kekurangan bekalan telur dalam negara. - GAMBAR HIASAN